

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 19 JUN 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

## Ringgit diunjur kekal paras RM4.60 berbanding dolar AS

### Ringgit diunjur kekal paras RM4.60 berbanding dolar AS

Ringgit berkemungkinan kekal pada paras semasa berbanding dolar Amerika Syarikat (AS), berlegar sekitar 4.60 hingga 4.61, kerana tindakan dasar moneter akan terus menjadi tumpuan dengan beberapa pegawai Rizab Persekutuan (Dob) AS berkongsi pendapat mereka berhubung isu itu dengan orang ramai.

Ketua Ekonomi dan Kewangan Sosial Bank Muamalat Malaysia Bhd, Mohd Afzanizam Abdul Rashid, berkata pada masa sama, kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan global semakin meningkat.

"Ini dicerminkan dalam unjuran konsensus untuk eksport Malaysia yang dijangka menurun sebanyak 11.7 peratus pada Jun selepas jatuh pada kadar 17.4 peratus pada Mei.

"Nampaknya mod penghindaran risiko akan diguna pakai minggu depan (In), yang membawa kepada julat yang ketat untuk dolar AS/ringgit, mungkin sekitar 4.60 hingga 4.61," katanya.

Sementara itu, Rakan Kongsi Pengurusan SPT Asset Management, Stephen Innes, berkata ringgit boleh meningkat berbanding dolar AS minggu ini kerana lebih banyak rangsangan berterusan dijangka daripada pengubah dasar China, yang ditujukan kepada pasaran hartanah dan pengangkutan benua, yang seharusnya meningkatkan lagi sentimen.

"Dolar AS/ringgit boleh me-nguji paras 4.60 minggu depan (In), jadi jangkaan saya untuk minggu depan (In) ialah daripada 4.6050 kepada 4.6250," tambahnya.

Pada minggu lalu, ringgit lebih lemah berbanding dolar AS apabila pelabur kekal di luar pasaran bagi menunggu keputusan daripada mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Persekutuan (FOMC) AS pada 13 dan 14 Jun.

Bank pusat AS mengesahkan kadar dasarnya pada julat 5.00 peratus hingga 5.25 peratus.

Bagi minggu dagangan yang hari berakhir, mata wang tempatan kebanyakannya lebih rendah berbanding sekumpulan mata wang utama di sepanjang hari dagangan.

Pada asas Jumaat ke Jumaat, ringgit susut berbanding dolar AS kepada 4.6130/6165 daripada 4.6115/6160 seminggu sebelumnya.

Mata wang tempatan meningkat berbanding yen Jepun kepada 3.2721/2748 daripada 3.3022/3059 pada Jumaat sebelumnya, susut berbanding pound British kepada 5.9014/9059 daripada 5.7819/7975 minggu terdahulu dan jatuh berbanding euro kepada 5.0593/0541 daripada 4.9611/9659 sebelum ini.

BERNAMA